



KENYATAAN MEDIA

KSM DAN KBS BANTU BELIA CARI KERJA MELALUI KARNIVAL KERJAYA

-
1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus memperkukuh jaringan kerjasama rentas kementerian dengan menganjurkan **Karnival Kerjaya Belia 2021** yang berlangsung dari 21 hingga 23 Oktober 2021.
 2. Karnival yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu hari ini yang khusus untuk golongan belia ini dilaksanakan sepenuhnya secara maya oleh agensi di bawah KSM iaitu **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** bersama institusi di bawah KBS iaitu **Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD)** dan **Impact Integrated**. Turut bekerjasama dalam menjayakan inisiatif ini adalah agensi di bawah **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)**, **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** dan pihak-pihak lain.
 3. Karnival yang dianjurkan ini merupakan susulan kejayaan Karnival PenjanaKerjaya Belia 2020. Karnival kali ini melibatkan sebanyak **44 majikan** daripada pelbagai industri dengan menawarkan lebih **9,000**

kekosongan jawatan aktif di seluruh negara. Jumlah majikan dan pekerjaan yang ditawarkan pada tahun ini adalah lebih tinggi berbanding karnival tahun lepas yang mencatat sebanyak **26 majikan** dengan lebih **8,300** jawatan kosong. Antara majikan yang menyertai karnival ini termasuklah Genting Malaysia Berhad, AEON, McDonald's Malaysia, 99 Speedmart, Watson's, Eco-Shop, QWORK Malaysia dan banyak lagi.

4. Penganjuran karnival kerjaya maya oleh kedua-dua Kementerian ini bertujuan untuk membantu golongan belia tempatan yang menganggur, kehilangan pekerjaan dan sedang aktif mencari pekerjaan baharu agar berpeluang menghadiri sesi temu duga dan memperoleh pekerjaan seterusnya **mengurangkan kadar pengangguran** dalam negara.
5. Selain daripada sesi temu duga yang berlangsung dari jam **9 pagi hingga 3 petang**, aktiviti lain yang turut diadakan adalah **sesi webinar kerjaya** bagi memberi pendedahan dan maklumat terkini kepada golongan belia yang aktif mencari pekerjaan mengenai peluang pekerjaan dalam kerjaya digital, perniagaan keusahawanan, kemahiran, latihan dan industri sukan.
6. Menurut data yang dikeluarkan oleh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, sejak **1 Januari hingga 15 Oktober 2021**, lebih **23** peratus (**12,533** orang) daripada pekerja yang kehilangan pekerjaan adalah daripada kalangan belia yang berusia antara 20 hingga 30 tahun berbanding bilangan keseluruhan individu yang kehilangan pekerjaan iaitu **53,213** orang.
7. Peluang pekerjaan yang ditawarkan ini juga turut dilengkapi dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan di **bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)**.

8. Antara inisiatif yang disediakan, KSM menerusi PERKESO menyediakan insentif SIP Prihatin 2.0 kepada **para graduan dan individu bukan pencarum PERKESO** yang menghadiri temu duga terbuka secara maya di Karnival Kerjaya Belia 2021. **Insentif sebanyak RM300 sebulan** akan diberikan kepada individu yang berjaya menghadiri sekurang-kurangnya **tiga (3)** sesi temu duga dalam tempoh **30** hari untuk **dua (2)** bulan. Sekiranya pencari kerja berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh menerima insentif tersebut, sebanyak **RM400** secara *one-off* akan diberikan sebagai **Elaun Persediaan Bekerja (EPB)**. Selain itu, **bantuan mobiliti** sehingga **RM1,000** turut disediakan buat individu yang berjaya mendapatkan pekerjaan dan memenuhi kelayakan di bawah program **PenjanaKerjaya 3.0**.
9. Pemberian insentif-insentif ini diharapkan dapat **menarik lebih ramai golongan belia terutamanya yang menganggur** untuk menyertai karnival kerjaya ini. Kedua-dua Kementerian juga komited untuk bekerjasama dalam isu yang melibatkan peluang pekerjaan, pewujudan pekerjaan baharu, latihan kemahiran dan akses kepada dana dan kemudahan untuk belia.
10. Untuk mendapatkan senarai penuh jawatan kosong dan maklumat terkini mengenai Karnival Kerjaya Belia 2021, sila layari <https://careerfair.perkeso.gov.my/> atau laman sesawang PERKESO <https://www.perkeso.gov.my> atau hubungi nombor Careline PERKESO di **1300-22-8000**.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi;

Kementerian Sumber Manusia

Ahmad Anis bin Aznan Kamil

Pegawai Perhubungan Awam

019-390 5987

Kementerian Belia dan Sukan

Amir Khusairi bin Harun

Pegawai Perhubungan Media (II)

03088713403